

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Pertuturan (Oral)

- 1 Encik Azli suka minum air kopi tanpa gula walaupun rasanya _____.
- A manis macam gula
 - B masam macam cuka
 - C masin macam garam
 - D pahit macam hempedu

- 2 Danial hanya _____ apabila ditegur oleh ayahnya kerana dia tidak menghadiri kelas tuisyen Matematik.
- A keras macam batu
 - B ligat macam gasing
 - C diam macam tunggul
 - D gelojoh macam langau

- 3 Semenjak bergelar pengarah syarikat, Encik Muniam jarang-jarang ada di rumah.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- A Cepat seperti kilat
- B Sibuk seperti lebah
- C Bising seperti pasar
- D Bersinar seperti bintang

- 4 Natasha memakai baju sejuk ketika masuk ke bilik mesyuarat itu kerana suhu di bilik itu _____.
- A sejuk macam ais
 - B deras macam ribut
 - C besar macam gajah
 - D cerah macam siang

- 5 Wajah dan sikap Encik Hashim yang bengis itu membuatkan budak-budak takut kepadanya.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- A Adil seperti hakim
- B Baik seperti malaikat
- C Angkuh seperti merak
- D Garang seperti harimau

- 6 Lelaki yang _____ itu memimpin tangan seorang warga emas untuk melintas jalan raya.

- A alim macam ulama
- B ganas macam singa
- C baik macam malaikat
- D berani macam harimau

- 7 Nayla membawa buku yang banyak ke sekolah pada setiap hari sehingga begnya menjadi _____.

- A bulat macam bola
- B bujur macam telur
- C berat macam batu
- D besar macam gajah

- 8 Beg tangan yang dihiasi ratusan batu permata itu dijual dengan harga RM500,000.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- A Nipis seperti kertas
- B Mahal seperti emas
- C Tinggi seperti galah
- D Wangi seperti bunga

- 9 Fuad mengikuti apa-apa sahaja yang disuruh oleh kawan-kawannya tanpa membantah kerana dia _____.

- A lurus macam bendul
- B pintar macam kancil
- C baik macam malaikat
- D lembut macam sutera

- 10 Kari daging yang dimasak oleh kakak _____ kerana belum cukup empuk.

- A liat macam getah
- B keras macam batu
- C merah macam darah
- D pahit macam hempedu

- 11 Tuan Amran menggupah berpuluh-puluh orang pekerja untuk bekerja di ladangnya yang _____.

A biru macam laut
B luas macam lautan
C bising macam pasar
D gelap macam malam

- 12 Wei Ling dapat menjawab soalan Matematik tahap tinggi dengan mudahnya walaupun dia baru berusia sembilan tahun.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

A Rajin seperti semut
B Jernih seperti cermin
C Tajam seperti sembilu
D Pandai seperti pendeta

- 13 Dermawan yang berhati _____ itu sangat dihormati kerana beliau tidak lokek untuk membantu orang lain.

A mulia macam raja
B sabar macam nabi
C adil macam hakim
D zalim macam Firaun

- 14 Hafiza belum dapat menyiapkan tempahan sepasang baju kurung walaupun sudah dua minggu dia menjahit baju itu.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

A Kuat seperti badang
B Lurus seperti bendul
C Bebas seperti burung
D Lambat seperti kura-kura

- 15 Juliana mewarisi wajah ibunya yang _____ sehingga banyak lelaki yang menaruh hati kepadanya.

A manis bagai gula
B kecil bagai semut
C cantik bagai bidadari
D mancung bagai seludang

- 16 Ahmadi tidak mahu menerima nasihat daripada siapa-siapa pun kerana sikapnya yang _____.

A liat macam getah
B degil macam keldai
C jinak macam merpati
D gagah macam gergasi

- 17 Walaupun badannya besar berbanding dengan kawan-kawannya, sebenarnya Edwin seorang yang _____.

A panas macam api
B ringan macam kapas
C pucat macam mayat
D penakut macam tikus

- 18 Wadi terus menonton televisyen walaupun sudah beberapa kali ibunya memanggilnya dari dapur.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

A Putih macam salji
B Pekak macam badak
C Miang macam keladi
D Gelojoh macam langau

- 19 "Saya sangat tersinggung dengan kata-katanya yang _____," kata Puan Ramidah kepada rakannya.

A lancar macam air
B licin macam belut
C kesat macam pasir
D tajam macam sembilu

- 20 Semenjak terlantar sakit akibat penyakit batu karang, Encik Zafri tidak mempunyai selera untuk makan lagi.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

A Kurus seperti lidi
B Tinggi seperti galah
C Gemuk seperti badak
D Ringan seperti kapas